

Elak penularan virus hepatitis E tikus



Apa yang membimbangkan adalah kesan jangka masa panjang, iaitu penyakit ini mungkin akan membebaskan masyarakat jika kita tidak menanganinya di peringkat awal"

Dr Zamberi Sekawi,
Prof Perubatan
Jabatan Mikrobiologi
dan Parasitologi Perubatan UPM



Penyelenggaraan sampah yang tidak betul boleh mengundang kemunculan dan pembiakan tikus.

Jangkitan melalui laluan tinja-oral akibat makanan tercemar

Kes jangkitan virus hepatitis E tikus kepada manusia pernah dilaporkan di Hong Kong, meskipun tiada bukti jelas berkaitannya, namun ia sewajarnya diberi perhatian untuk memastikan ia tidak menjadi pandemik dunia.

Malah, penemuan wabak hepatitis yang disebarkan menerusi tikus dalam kalangan populasi Hong Kong dan tidak diketahui cara virus ini disebarkan seperti dilaporkan di negara itu menarik perhatian untuk dilihat secara menyeluruh.

Prof Perubatan Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zamberi Sekawi, berkata penyakit hepatitis yang dimaksudkan itu disebarkan oleh virus hepatitis E, iaitu bukan virus yang baharu dikesan.

Katanya, virus ini serupa dengan virus hepatitis A di mana jangkitannya berkaitan dengan jangkitan secara laluan tinja-oral, iaitu melalui makanan yang tercemar disebabkan oleh keadaan persekitaran yang tidak bersih.

Penyakit hepatitis E boleh juga disebabkan dengan memakan haiwan seperti babi dan haiwan liar seperti rusa.

Kebanyakan manusia akan menghadapi simptom yang tidak teruk. Sebahagian pesakit akan mengalami jangkitan hepar menyebabkan mereka merasa demam dan

jaundis iaitu kekuningan pada kulit dan mata.

Wanita hamil berisiko untuk mendapat penyakit yang lebih teruk dan boleh mendatangkan kematian disebabkan oleh kegagalan hepar.

"Seperti negara lain, Malaysia juga tidak mengesan penyakit ini secara rutin, menyebabkan beban penyakit ini tidak diketahui dengan tepat pada masa ini."

"Kajian saya dalam kalangan pesakit yang menghadapi jangkitan hepatitis B, mendapati 10 peratus pesakit juga pernah dijangkiti oleh virus hepatitis E," katanya.

Pemakanan tidak sihat

Dr Zamberi berkata, kajian penyelidikan tempatan lain juga mendapati hepatitis E pernah menjangkiti populasi di luar bandar pada kadar lima hingga 50 peratus.

"Kajian ini turut mendapati faktor penyebab berkemungkinan adalah pemakanan yang tidak sihat, kurang kebersihan di rumah, pembuangan sampah yang tidak teratur dan mema-

kan haiwan liar.

"Ini menunjukkan penyakit ini menular di komuniti tetapi kita tidak dapat menganggarkan berapa seriusnya penularan ini."

"Apa yang membimbangkan adalah kesan jangka masa panjang, iaitu penyakit ini mungkin akan membebaskan masyarakat jika kita tidak menanganinya di peringkat awal."

"Kaitan penularan virus ini dengan tikus bukan suatu penemuan yang baharu. Tikus sudah lama disyaki berpotensi untuk merebakkan virus ini," katanya.

Beliau berkata, dalam konteks Malaysia wajar untuk diselidiki sejauh mana seriusnya penularan ini dan sekiranya dapat dibuktikan tikus menjadi punca penyebab utama hepatitis E di negara ini, langkah drastik diperlukan untuk mengurangkan populasi tikus berkenaan.

Tikus bawa penyakit

Katanya, sebagaimana yang diketahui umum, tikus juga adalah pembawa kepada penyakit berjangkit lain seperti leptospirosis (penyakit kencing tikus), salmonellosis, demam hantavirus dan sampar (plag) bubonik.

Katanya, masyarakat seharusnya memainkan pera-

nan penting dalam menjaga kebersihan supaya tidak mengundang tikus dan menggalakkan pembiakan tikus.

"Sampah hendak dibuang secara teratur dan tidak dibuang di merata tempat."

"Kita harus mempelajari daripada situasi kes leptospirosis yang meningkat disebabkan oleh tingginya populasi tikus."

"Apabila populasi tikus dapat dikurangkan, kes leptospirosis pun berkurang dan tidak banyak dikesan," katanya.

Selain itu, keupayaan fasiliti kesihatan untuk mengesan penyakit ini adalah penting. Ketika ini, doktor tidak mengesyaki hepatitis E sebagai diagnosis utama jika pesakit datang dengan jaundis.

Apabila jaundis dibuktikan bukan disebabkan oleh hepatitis A atau B, maka ujian hepatitis E akan dijalankan, hanya sekiranya ujian ini ada ditawarkan di hospital berkenaan.

Kebanyakan hospital di Malaysia tidak mempunyai ujian ini menyebabkan kes hepatitis E kurang dikesan dan dilaporkan.

Boleh dicegah

Apa yang jelas adalah penyakit hepatitis E ini boleh dicegah dengan mudah dengan mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi, penyediaan makanan dan minuman bersih dan bebas daripada kotoran.

Makanan dan minuman dimasak dengan cara betul dengan memastikan tiada bahagian yang mentah.

"Segala sisa makanan harus dibuang dengan baik dan teratur."

Kebersihan sendiri juga penting dan sentiasa di-amalkan," katanya.

